



PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA

TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS 1,376.87 METER PERSEGI DI PT 150, SEKSYEN 11, BANDAR SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SECARA TENDER TERBUKA

TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN

Tawaran ini adalah terbuka kepada individu dan syarikat yang layak sepertimana yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : PT 150, Seksyen 11, Bandar Shah Alam, Daerah Petaling
2. Pelan Tapak : Pelan Pra hitungan seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM2,800.00 / meter persegi
4. Butiran Tanah :
 - a) Luas : Lebih kurang 1,376.87 meter persegi
 - b) Kategori : Bangunan
 - c) Syarat Nyata : Perniagaan
 - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
 - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke.13/2021 bertarikh 06 April 2021 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.; dan
 - ii. Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB NO. 08/2021** dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.


Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM**


TARIKH TUTUP: 22 DISEMBER 2021 (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.


.....
(PENTADBIR TANAH)
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Tarikh: 12.11.2021



PELAN KUNCI
Skala : 1 Batu seinci



SEKSYEN 11
BANDAR SHAH ALAM
DAERAH PETALING
Sheet : 92 A

Catatan :

Kawasan dimaksudkan

PA : 73003

..... PENTADBIR TANAH PETALING

BIL PELAN :

